

SULIT

3756/1

**3756/1
Prinsip
Perakaunan
Kertas 1
Ogos
2010**

1¼ jam



JABATAN PELAJARAN NEGERI TERENGGANU

PEPERIKSAAN PERCUBAAN 2010

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

Disediakan oleh:

GURU AKRAM NEGERI TERENGGANU

Dibiayai oleh:

KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

TERENGGANU ANJUNG ILMU

Dicetak Oleh:

*Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd.
Tel: 609-666 8611/6652/8601 Faks: 609-666 0611/0063*

Kertas soalan ini mengandungi 17 halaman bercetak

3756/1

**[Lihat sebelah
SULIT**

- 1 Penilaian prestasi perniagaan yang dilakukan dari semasa ke semasa adalah menepati konsep dan prinsip
- A Pemandanan
 - B badan berterusan
 - C tempoh perakaunan
 - D wang sebagai ukuran
- 2 Antara bentuk perniagaan berikut, yang manakah membenarkan saham dipindah milik secara bebas?
- A Perkongsian
 - B Milikan tunggal
 - C Syarikat Awam Berhad
 - D Syarikat Sendirian Berhad

Soalan 3 dan 4 berdasarkan data 1. Data 1 ialah butir-butir yang didapati daripada Perniagaan Inteltek pada 31 Mac 2010

	RM
Perabot	6 900
Penghutang	8 150
Overdraf bank	4 500
Tunai	2 075
Alat pejabat	3 500
Pemiutang	9 747
Kenderaan	55 000

Data 1


- 3 Hitungkan jumlah aset bukan semasa.
- A RM10 400
 - B RM55 000
 - C RM62 900
 - D RM65 400

- 4 Hitungkan jumlah modal.
- A RM61 378
 - B RM64 078
 - C RM64 572
 - D RM70 378

BORANG MASUK / PAY-IN SLIP					BANK MAJU MALAYSIA BERHAD												
SALINAN					TARIKH : 28 Jun 2010												
BUKAN TUNAI	BANK PEMBAYAR	NO. CEK	TEMPAT	SEBANYAK	KOMISEN	RM					SEN						
<input type="checkbox"/> CEK SENDIRI																	
<input type="checkbox"/> CEK TEMPATAN																	
<input type="checkbox"/> CEK LUAR																	
<input type="checkbox"/> LAIN SILA TANDA (/) DI RUANG BERKENAAN	JUMLAH BERSIH																
WANG TUNAI	RINGGIT : ENAM RIBU LIMA RATUS SAHAJA											6	5	0	0	0	0
NO. AKAUN	0	1	1	1	2	9	1	1	1	9	6	0	NAMA : WARISAN IMPIAN SDN. BHD.				
16404 28 Jun 2010 CH 12245 011129111960 ***** 6 500.00 WAN NIAGA SDN. BHD.																	

Dokumen 1

- 5 Apakah urus niaga yang berlaku pada 28 Jun 2010 berdasarkan Dokumen 1?
- A Memasukkan tunai perniagaan ke dalam akaun bank perniagaan.
 - B Memasukkan tunai ke dalam perniagaan.
 - C Mengeluarkan tunai dari bank untuk kegunaan perniagaan.
 - D Mengeluarkan tunai dari bank untuk kegunaan peribadi.

 LEEYA BEST 12-A Jalan Kampung Dalam 20000 Kuala Terengganu	Tarikh: 15 Julai 2010
---	-----------------------

MEMO
<i>Peringatan:</i> <i>Pemilik mengambil barang niaga RM700 untuk promosi pembukaan kedai.</i>

Dokumen 2

- 6 Berdasarkan Dokumen 2, nyatakan catatan yang akan dibuat dalam lejar.
- A Debit Akaun Ambilan RM700, Kredit Akaun Promosi RM700
 - B Debit Akaun Belian RM700, Kredit Akaun Promosi RM700
 - C Debit Akaun Promosi RM700, Kredit Akaun Ambilan RM700
 - D Debit Akaun Promosi RM700, Kredit Akaun Belian RM700
- 7 Apakah maksud catatan kontra dalam Buku Tunai?
- I Peniaga membawa masuk tunai ke bank perniagaan sebagai modal.
 - II Perniagaan memasukkan tunai untuk didepositkan ke bank perniagaan.
 - III Peniaga mengeluarkan tunai dari bank perniagaan untuk kegunaan sendiri.
 - IV Perniagaan mengeluarkan tunai dari bank perniagaan untuk kegunaan perniagaan.
- A I dan III
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

- 8 Dalam pengendalian tunai runcit, jumlah yang telah dibelanjakan akan diganti semula sehingga sama seperti jumlah asal yang telah ditetapkan dalam polisi perniagaan. Apakah sistem pengendalian tunai runcit ini?
- A Sistem Panjar
 - B Sistem Kontra
 - C Sistem Tunai Runcit
 - D Sistem Bayaran Balik
- 9 Manakah urus niaga yang direkod dalam Jurnal Khas?
- I Membeli barang niaga secara kredit daripada Syarikat Harith RM886.
 - II Memulangkan barang niaga yang rosak RM65 kepada Pembekal Ehsan.
 - III Pemilik membayar insurans kereta isterinya menggunakan cek perniagaan RM740.
 - IV Mengeluarkan invois berjumlah RM420 kepada Kedai Sukaria kerana jualan barang niaga.
- A I, II dan III
 - B I, II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV



10 Berdasarkan kepada gambar di atas akaun gaji yang diterima oleh Encik Faiz daripada Syarikat Delima Merah Sdn. Bhd. dikelaskan sebagai

- A Akaun asset
- B Akaun liabiliti
- C Akaun nominal
- D Akaun perorangan

11

Pemborong Umi			
	RM		RM
Bank	1 000	Belian	1 800

Maklumat untuk menyediakan Akaun Pemborong Umi boleh diperolehi daripada

- I Buku Tunai
- II Buku Tunai Runcit
- III Jurnal Jualan
- IV Jurnal Belian

- A I dan III
 - B II dan III
 - C I dan IV
 - D II dan IV
- 12 Akaun manakah di antara berikut akan diperoleh dalam lejar subsidiari?
- A Akaun Diskaun diberi
 - B Akaun Sewa diterima
 - C Akaun Kenderaan
 - D Akaun Penghutang Dillah
- 13 Antara berikut yang manakah benar mengenai Imbangan Duga?
- I Menunjukkan kesilapan yang berlaku dalam lejer.
 - II Menyemak ketepatan sistem catatan bergu.
 - III Stok akhir dicatat di luarimbangan duga.
 - IV Memudahkan penyediaan penyata kewangan.
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV
- 14 Ambilan barang niaga bernilai RM150 untuk kegunaan sendiri tidak direkodkan dalam mana-mana buku. Kesilapan di atas dikategorikan sebagai.....
- A Kesilapan ketinggalan sesuatu urusanaiaga.
 - B Kesilapan saling mengimbangi.
 - C Kesilapan catatan asal.
 - D Kesilapan prinsip.

15 Antara berikut yang manakah kesilapan catatan dalam Imbangan Duga?

	Butir	Debit	Kredit
		RM	RM
I	Belian	5 320	
II	Sewa		800
III	Ambilan		2 000
IV	Pulangan Jualan	500	

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Sinar Enterprise.

	1 Januari 2009	31 Disember 2009
	RM	RM
Sewa terakru	2 400	
Sewa terdahulu		3 600

Jumlah sewa yang telah dibayar bagi tahun berakhir 31 Disember 2009 ialah RM 29 000. Berapakah jumlah yang perlu dicatat dalam Akaun Untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2009?

- A RM23 000
- B RM25 400
- C RM 29 000
- D RM35 000

17 Jadual 1 berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Karimah :

Tarikh beli Lengkapan	Harga (kos)	Kadar Susut Nilai	Kaedah Susut Nilai
1 Julai 2008	RM 35 000	10% setahun	Baki Berkurangan

Jadual 1

Tahun kewangan Perniagaan Karimah berakhir 31 Disember setiap tahun. Hitungkan susut nilai terkumpul pada 31 Disember 2009.

- A RM7 000
- B RM6 630
- C RM5 250
- D RM5 075

18 Maklumat berikut menunjukkan belanjawan tunai Kedai Fatimah

	RM
Baki awal	15 200
Penerimaan:	
Penghutang	18 000
Pembayaran:	
Pemiutang	15 000
Upah	2 200
Sewa	650
Belanja am	480
Belanja serahan	330
Elektrik dan telefon	180

Berapakah lebih atau kurangan tunai Kedai Fatimah?

- A Kurangan RM840
- B Kurangan RM3 640
- C Lebihan RM14 360
- D Lebihan RM29 360

- 19 Puan Rohana telah membuat pembayaran dengan cek RM866. Selepas membuat semakan, beliau mendapati catatan di Buku Tunai RM886 dan catatan di Penyata Bank RM866. Apakah yang perlu dilakukan oleh Puan Rohana?
- A memadam dan membetulkan nilai di Buku Tunai
 B mengemas kini Buku Tunai dengan mendebitkan RM20
 C mengemas kini Penyata Bank dengan mendebitkan RM20
 D mengemas kini Penyata Penyesuaian Bank dengan mendebitkan RM20
- 20 Pada 10 Ogos 2010, Encik Munzir telah membayar kepada Pemborong Diana RM690 dengan cek. Beliau mendapati Penyata Bank tidak mencatatkan pembayaran tersebut. Nyatakan jenis perbezaan ini.
- A Kesilapan
 B Cek tak laku
 C Cek yang belum dikreditkan
 D Cek yang belum dikemukakan
- 21 Puan Darina adalah pekongsi Perkongsian Darwish. Berdasarkan perjanjian yang telah dibuat, beliau berhak menerima gaji sebanyak RM5 000 setahun. Pada pertengahan tahun, beliau telah dibayar gaji sebanyak RM3 000. Antara berikut, manakah yang benar tentang pernyataan di atas?

	Debit	RM	Kredit	RM
A	Akaun Pengasingan Untung Rugi	5 000	Akaun Semasa Darina	3 000
B	Akaun Pengasingan Untung Rugi	5 000	Akaun Semasa Darina	2 000
C	Akaun Pengasingan Untung Rugi	3 000	Akaun Modal Darina	5 000
D	Akaun Pengasingan Untung Rugi	2 000	Akaun Modal Darina	5 000

- 22 Tahun perakaunan firma Perkongsian Ladang Gemilang berakhir pada 31 Disember 2009. Ambilan pekongsi sepanjang tahun tersebut seperti berikut:

	1 Januari 2009	1 Julai 2009
	RM	RM
Insyirah	3 000	2 000

Faedah atas ambilan pekongsi ialah 10% setahun. Berapakah faedah atas ambilan Insyirah pada 31 Disember 2009?

- A RM500
 - B RM400
 - C RM300
 - D RM200
- 23 Akaun Realisasi ialah satu akaun sementara yang akan dibuka apabila berlaku pembubaran perkongsian. Apakah kegunaan Akaun Realisasi?
- A Menentukan hasil realisasi.
 - B Menentukan modal akhir pekongsi.
 - C Menentukan untung atas jualan aset.
 - D Menentukan untung atau rugi atas realisasi.
- 24 Semasa pembubaran perkongsian, aset yang dimiliki oleh perniagaan boleh diambil alih oleh mana-mana pekongsi. Catatan bagi merekod aset yang diambil alih oleh pekongsi ialah

	Debit	Kredit
A	Akaun Realisasi	Akaun Modal Pekongsi
B	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Realisasi
C	Akaun Modal Pekongsi	Akaun Aset
D	Akaun Realisasi	Akaun Aset

- 25 Antara berikut, yang manakah ciri-ciri Saham Keutamaan?
- I Pemegang Saham Keutamaan berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan.
 - II Pemegang Saham Keutamaan menanggung risiko yang lebih rendah.
 - III Pemegang Saham Keutamaan diutamakan dalam pembayaran balik modal sekiranya syarikat dibubarkan.
 - IV Pemegang Saham Keutamaan mendapat dividen megikut kadar yang tetap.
- A I, II dan III
B I, II dan IV
C I, III dan IV
D II, III dan IV

- 26 Data 2 diperoleh daripada Syarikat Seri Ketengah Berhad pada 1 Januari 2010:

Modal Berdaftar:

2 000 000 unit 8% Saham Keutamaan RM2 sesaham
5 000 000 unit Saham Biasa RM1 sesaham

Data 2

Lembaga Pengarah syarikat membuat keputusan untuk menerbitkan separuh unit Saham Keutamaan dan 3 000 000 unit Saham Biasa.

Hitungkan Modal Belum Diterbitkan.

- A RM4 000 000
B RM5 000 000
C RM7 000 000
D RM9 000 000

- 27 Data 3 diambil daripada Suria Ungu Berhad pada 30 Jun 2010.

Modal Berbayar

1 000 000 6% Saham Keutamaan RM2 setiap satu.
4 000 000 Saham Biasa RM0.50 setiap satu.

Data 3

Lembaga pengarah syarikat telah bersetuju untuk membayar dividen 12 sen bagi setiap Saham Biasa yang dipohon beli oleh pelanggannya.

Berapakah dividen Saham Biasa yang dibayar oleh Suria Ungu Berhad kepada pemegang saham?

- A RM240 000
B RM480 000
C RM600 000
D RM840 000
- 28 Kelab Seni Silat Kura-kura ditubuhkan bagi menjaga seni warisan negara. Sumber utama pendapatan kelab tersebut diperolehi daripada
- A yuran ahli
B jualan daripada aktiviti kelab
C dana kerajaan
D pinjaman dari ahli
- 29 Dana terkumpul bagi kelab dan persatuan akan diperolehi berdasarkan kepada persamaan perakaunan berikut:
- A Dana terkumpul = Jumlah aset - jumlah liabiliti
B Dana terkumpul = Jumlah aset - ekuiti pemilik
C Dana terkumpul = Jumlah liabiliti - jumlah aset
D Dana terkumpul = Ekuiti pemilik - jumlah aset

- 30 Antara berikut, yang manakah bukan pendapatan modal bagi Kelab Pancing Kampung Dura?
- A Derma yang diterima bagi pembelian pancing.
 - B Derma yang diterima bagi perbelanjaan pertandingan.
 - C Derma yang diterima untuk pengubahsuaian bangunan.
 - D Derma yang diterima untuk pembelian bot.

Soalan 31 dan 32 berdasarkan data yang diperolehi daripada Kedai Murad pada 31 Mac 2010.

	RM
Modal awal	15 000
Ambilan	2 000
Jumlah liabiliti	7 000
Modal tambahan	6 000
Jumlah aset	30 000

- 31 Kira Modal pada 31 Mac 2010.
- A RM11 000
 - B RM15 000
 - C RM23 000
 - D RM38 000
- 32 Hitung untung atau rugi pada 31 Mac 2010 oleh Kedai Murad.
- A Untung RM4 000
 - B Rugi 4 000
 - C Untung RM8 000
 - D Rugi RM8 000
- 33 Antara berikut yang manakah diambil kira untuk menghitung kos prima dalam Akaun Pengeluaran?
- A Sewa kilang
 - B Gaji pejabat
 - C Upah langsung
 - D Susut nilai mesin

34 Data 4 menunjukkan maklumat yang diperolehi daripada Kilang Sutera.

	RM
Bahan mentah	6 500
Buruh langsung	4 500
Overhed	3 500
Kerja dalam proses awal	3 000
Kerja dalam proses akhir	2 000

Data 4

Hitungkan kos pengeluaran.

- A RM13 500
 - B RM14 500
 - C RM15 500
 - D RM17 500
- 35 Nisbah yang digunakan untuk mengukur kemampuan perniagaan menjelaskan semua liabiliti semasanya dikenali sebagai
- A nisbah cepat
 - B nisbah cekap
 - C nisbah semasa
 - D nisbah bukan semasa
- 36 Maklumat berikut menunjukkan hasil analisis suatu nisbah keuntungan:

Setiap jualan sebanyak RM100 akan menjanakan untung bersih sebanyak RM15

Nisbah keuntungan yang berkenaan ialah

- A Tokokan
- B Margin untung kasar
- C Margin untung bersih
- D Pulangan atas modal

37 Data Z diambil daripada Syarikat Mesra Bakti pada 31 Disember 2009.

	RM
Alatan Pejabat	10 000
Stok akhir	15 000
Pemiutang	8 000
Pinjaman bank	12 000
Bank	5 000

Hitung nisbah semasa bagi Syarikat Mesra Bakti pada 31 Disember 2009.

- A 1
- B 1.5
- C 2.5
- D 5
- 38 Pernyataan manakah **benar** tentang tokokan?
- A Mengira untung kasar yang diperoleh daripada setiap ringgit kos jualan.
- B Mengira kadar pulangan atas setiap ringgit modal yang dilaburkan.
- C Mengira peratus penambahan kepada kos jualan untuk menentukan harga jualan.
- D Mengira untung bersih yang diperoleh daripada setiap ringgit jualan.
- 39 Antara berikut, yang manakah merupakan perisian komputer yang sesuai digunakan dalam sistem perakaunan secara berkomputer?
- I Lotus 1-2-3
- II Microsoft Excel
- III Microsoft Word
- IV Microsoft Power Point
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

40 Antara berikut, yang manakah merupakan kelebihan menggunakan komputer dalam perakaunan?

- I Kerja merekod lebih rumit
- II Proses merekod urusanniaga lebih cepat dan mudah
- III Merekod urusanniaga lebih kemas dan sistematik
- IV Fungsi dilakukan secara automatik dan menjimatkan masa

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

KERTAS SOALAN TAMAT

